

**TALKING POINTS**

**PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB**

**NAIB CANCELOR**

---

**ANUGERAH BAKTI DAN KECEMERLANGAN PELAJAR UTeM 2015**

**26 MEI 2016 (KHAMIS); 3.00 PETANG**

**DEWAN PUSAT SUKAN**

**Y.Bhg. Profesor Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad**

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Jalilani bin Mohd Nor**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**Y.Bhg. Prof. Dr. Izaidin bin Abdul Majid**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

**Y.Bhg. Prof. Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin**

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

**Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Zolkepli bin Buang**

Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasilitas)

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

**Yang Berusaha Saudara Ahmad Nawawi bin Mohd Amin**

Yang Dipertua Majlis Kepimpinan Pelajar

Barisan Exco MPP, Para Pelajar, Hadirin dan Hadirat yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Melaka

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 754 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

## PENGENALAN

- Majlis yang diadakan adalah **signifikan kepada pihak universiti** dalam usaha kita untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan di atas kejayaan mahasiswa/i.
- **Ganjaran bukanlah ukuran terbaik** untuk mengiktiraf sesuatu kejayaan, ia penting bagi memastikan wujudnya rasa keikhlasan dalam mencapai sesuatu kecemerlangan.
- Mahasiswa-mahasiswi UTeM telah banyak **menyumbang bakti dan mengharumkan nama universiti** dalam pelbagai bidang.
- **Pembentangan Resolusi Sri Menanti** oleh YDP pada 17 Mei lepas, melaporkan bahawa banyak program-program kecemerlangan pelajar telah dijalankan dengan jayanya; bukan sahaja dalam aspek akademik malah kemasyarakatan.

## ANUGERAH BAKTI DAN KECEMERLANGAN PELAJAR

- Pada petang ini sebanyak **10 anugerah diberikan**, antaranya ialah Anugerah Keusahawanan, Kebudayaan dan Kesenian, Kepimpinan, Kesukarelawan, Inovasi dan Kepimpinan dan lain-lain.
- Setiap anugerah mempunyai kriteria yang telah ditetapkan, dan penerima anugerah ini merupakan mereka yang telah **mencapai atau melebihi standard kecemerlangan** yang telah ditetapkan.
- Pengiktirafan ini sebagai satu **motivasi dan dorongan** untuk terus berjaya di Universiti ini dan masa hadapan.
- Pencapaian cemerlangan penerima anugerah ini haruslah dijadikan sebagai **sumber inspirasi** oleh pelajar yang lain, supaya **semangatnya dapat dijadikan sebagai asas yang kukuh** untuk sama-sama mencipta kecemerlangan.

- Tetapi adakah mahasiswa-mahasiswi lain yang tidak berjaya menerima anugerah pada petang ini merupakan mereka yang tidak cemerlang, gemilang dan tidak berbakti kepada universiti?
- **Ucapan tahniah kepada diri sendiri.**

## **PERUBAHAN SIKAP POSITIF**

- Perlu mengubah minda dan sikap untuk melakukan sesuatu perkara dengan **tekun dan bersungguh-sungguh**
- Tanamkan **sikap dan budaya prestasi tinggi** yang boleh ditunjukkan dalam pencapaian akademik, sukan, kepimpinan dan apa saja bidang yang diceburi.

- Perlu ada sifat peribadi dan etika mulia, tidak mementingkan diri sendiri, saling bantu-membantu, semangat keserakanan dan kesamaan.
- Teruskan usaha murni **mencipta kecemerlangan dan kegemilangan** sehingga menjadikan UTeM sebagai Universiti yang terbilang dan terkemuka di dunia.

## **BAKAT MAHASISWA/I**

- **Ilmu adalah aset yang penting** yang wajib dicari dan digali, manakala **bakat adalah satu pemberian** atau anugerah Tuhan kepada hambaNya.
- Bakat yang tersemat di dalam diri mahasiswa/i telah mencorakkan kejayaan diri sendiri dan universiti ini.

- Namun, kejayaan individu itu tidak semata-mata didirongi oleh bakat yang dianugerahkan tetapi juga **bersandarkan kepada ilmu dan kesungguhan.**
- Siapa sangka, pelajar universiti teknikal mempunyai **bakat dalam berpidato** (Pidato Piala Naib Canselor pada 24 April), **berbakat dalam kesenian dan kebudayaan** dan lain-lain lagi.

## **MENCIPTA KEJAYAAN UNIVERSITI**

- Kegemilangan universiti yang dicapai oleh mahasiswa/i merupakan satu **bakti yang sangat bermakna.**
- Jadikan ia sebagai **satu titik permulaan** untuk menyumbang bakti ke arah yang lebih besar kepada universiti

- Kejayaan yang dicapai oleh mahasiswa/i adalah kerana **keazaman, ketekunan, kesepakatan dan kerjasama** dari semua pihak.
- Usaha mencipta kejayaan Universiti adalah **tanggungjawab kita bersama** dan kejayaan yang diperolehi adalah milik kita bersama.

## **PENUTUP**

- Syabas dan tahniah kepada mahasiswa/i yang menerima anugerah pada petang ini
- Terima kasih kepada pihak HEP yang sentiasa mengambil berat dan menjaga mahasiswa/i UTeM dalam pelbagai aspek.
- Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan anugerah pada petang ini.

## PANTUN

Sudah ku dapat bunga seroja,  
Dipetik dari taman siantan,  
Siswa UTeM bersemangat waja,  
Teruskan usaha cipta kejayaan.

Kembang sepatu bunga raya,  
Ditanam rapat tepi perigi,  
Kalau kita ingin berjaya  
Tetapkan matlamat, rancangkan strategi.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh. Terima Kasih.